

# 'Sang Saka Bangsa' nama bendera UMNO disokong

Oleh WAN NAJIB WAN DAUD,  
ZULHISHAM ISHAK, SHARIZA ABDULLAH

KUALA LUMPUR 11-Nov. - Pelbagai pihak menyambut baik cadangan untuk menamakan bendera UMNO dengan nama 'Sang Saka Bangsa.'

Mereka turut berpendapat, penamaan juga seharusnya membawa pengertian dan perubahan kepada semangat di kalangan ahli parti.

Di Pulau Pinang, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Seri Abdul Rashid Abdullah berkata, nama baru yang diberikan kepada bendera UMNO itu

perlu diterap sepenuhnya oleh ahli-ahli UMNO agar kesinambungan perjuangan parti diteruskan oleh generasi akan datang.

Katanya, jika perubahan hanya pada se-kadar nama dan tidak kepada semangat, sikap dan kesetiaan kepada parti maka ia adalah sia-sia.

"Harus diingat nama yang diberikan itu merupakan jiwa dan semangat parti kepada para ahlinya dan mereka harus memikul tanggungjawab itu jika mahu parti terus hidup memperjuangkan nasib bangsa dan agama," katanya.

Menurut Abdul Rashid, Sang Saka Bangsa adalah moral perjuangan parti yang tiada

tolok tanding, malah jika kepimpinan lama masih hidup mereka amat berbangga dengan apa yang dicapai UMNO ketika ini.

Sementara di **Sabah**, Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman turut mengalu-alukan penamaan nama bendera UMNO jika menepati hala tuju parti.

Beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri berkata, penamaan itu juga perlu membawa pengertian yang sesuai kepada parti.

"Jika perubahan itu sesuai, ia tidak menjadi masalah kepada UMNO tetapi apa yang penting ia (nama itu) membawa pengertian yang sesuai," katanya.

Semalam, Penolong Setiausaha Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Abdul Rahman Dahlan berkata, cadangan untuk menamakan bendera UMNO sebagai 'Sang Saka Bangsa' akan dikemukakan pada Perhimpunan Agung UMNO minggu depan.

Di **Kedah**, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri yang juga Menteri Besar, Datuk Seri Mahdzir berkata, adalah wajar bendera kebanggaan UMNO itu diberi satu nama khas pada usianya yang mencecah 60 tahun sekarang.

"Saya fikir ia adalah elok. Lagipun maknanya juga bersesuaian dengan perjuangan parti," katanya.